



---

**PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL 4/99**  
**Resit Yuran Untuk Tujuan Tuntutan Geran Latihan**

---

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberitahu serta mengingatkan penyedia latihan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) mengenai syarat-syarat resit yuran yang telah ditetapkan untuk tujuan tuntutan geran latihan.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Dari semasa ke semasa, pihak Urusetia Majlis Pembangunan Sumber Manusia menerima permohonan tuntutan geran latihan daripada majikan-majikan yang berdaftar di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Apabila menimbangkan permohonan tersebut, pihak Urusetia menghadapi kesukaran dan kesulitan disebabkan tuntutan yang dikemukakan kurang lengkap atau tidak teratur dan tidak disertakan beberapa maklumat penting. Keadaan tersebut menimbulkan masalah kepada Urusetia untuk menyegerakan proses pembayaran balik tuntutan. Jika perkara ini berlaku secara berterusan, ianya akan menimbulkan masalah kepada pihak Urusetia, Majikan dan Penyedia Latihan itu sendiri.

**3. PERMOHONAN TUNTUTAN GERAN LATIHAN**

- 3.1 Apabila pihak majikan yang ingin membuat tuntutan geran latihan, resit yuran dari pihak penyedia latihan mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:
- Mempunyai nama, alamat dan nombor telefon penyedia latihan;
  - Mempunyai nombor siri dan tarikh;
  - Dikeluarkan atas nama majikan penaja (bukan nama peserta kursus);
  - Satu resit adalah untuk satu program latihan sahaja;
  - Tajuk program seperti yang diluluskan oleh pihak Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan tarikh jangkamasa program latihan hendaklah dinyatakan;

- Sekiranya program mempunyai tajuk umum dan juga tajuk kursus/modul; kedua-dua tajuk tersebut mesti dinyatakan dengan lengkap (ringkasan tajuk mestilah dielakkan);
- Resit yang merangkumi kos-kos selain yuran hendaklah dikemukakan bersama inbois terperinci.

3.2 Penyedia Latihan hendaklah memastikan format resit mereka mempunyai ciri-ciri resit yang rasmi dan profesional serta sukar di tiru. Ini adalah bagi mengelakkan kejadian pemalsuan resit.

3.3 Penyedia Latihan perlulah memahami bahawa resit yuran adalah merupakan dokumen sokongan utama (prime supporting document) untuk membuktikan kesahihan tuntutan sesuatu program – iaitu majikan yang membuat tuntutan telah benar-benar menanggung perbelanjaan tersebut dan telah menjalankan program yang tepat seperti yang diluluskan oleh Majlis. Kegagalan sesetengah penyedia latihan mengeluarkan resit yang rasmi dan jelas telah menyebabkan sebahagian besar tuntutan terpaksa dikuiiri atau ditolak.

#### **4. PENUTUP**

Urusetia Majlis berharap pihak penyedia latihan dapat memberi kerjasama yang sepenuhnya untuk memenuhi peraturan ini bagi mengelakkan kesukaran yang mungkin timbul pada masa akan datang. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2000**. Sebarang resit yuran untuk tujuan tuntutan geran latihan yang tidak mengikut syarat-syarat serta prosedur permohonan tuntutan geran latihan seperti yang telah ditetapkan, tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**" LATIHAN TERANCANG TUNGGAK KECEMERLANGAN"**

Saya yang menurut perintah,

**(SHAHRIK BIN HASAN)**

Pengarah Bahagian Pembangunan Sumber Latihan  
b/p Ketua Pengarah,  
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

s.k Pengarah Bahagian Geran Latihan  
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia

Pengarah Bahagian Kewangan  
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

Semua Majikan Berdaftar

